

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

**HMT 229 – Linguistik Sejarah dan Perbandingan Bahasa
Austronesia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. **DUA [2]** daripada **BAHAGIAN A** dan **DUA [2]** daripada **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

1. Menurut William Labov (1978) dalam bukunya *Sociolinguistic Patterns*, mekanisme perubahan bunyi bermula dari subkumpulan yang kecil dalam komuniti sesuatu bahasa yang boleh dilihat dari pelbagai peringkat.

[a] *peringkat perubahan dari atas* [15 markah]

[b] *peringkat perubahan dari bawah.* [10 markah]

Berdasarkan *teori kebarangkalian* perubahan bahasa, huraikan peringkat-peringkat perubahan bunyi di atas.

2. Berdasarkan contoh-contoh daripada dialek bahasa Melayu yang anda tahu, huraikan proses-proses perubahan fonologi di bawah.

[a] Pendiftongan [7 markah]

[b] Pelemahan [6 markah]

...2/-

- [c] Perangkapan [6 markah]
- [d] Pemonoftongan [6 markah]
3. Sebelum turun ke dalam bahasa Melayu sekarang dan dialek-dialeknya, tentu sahaja vokal-vokal Austronesia purba melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan. Di antara peringkat terakhir yang dilaluinya sebelum sampai kepada bahasa Melayu yang kita kenal sekarang ialah bahasa Melayu induk (MI). Huraikan rekonstruksi vokal di bawah dengan menyertakan contoh-contoh daripada dialek Melayu yang anda tahu.
- [a] Vokal MI *i dan refleks-refleksnya [13 markah]
- [b] Vokal MI *u dan refleks-refleksnya [12 markah]

BAHAGIAN B

4. Rumpun Bahasa Austronesia diwakili oleh hampir dua ribu bahasa dan mempunyai kawasan penyebaran yang luas, iaitu Formosa (Taiwan) di sebelah utara, New Zealand di sebelah selatan, Madagaskar di sebelah barat dan Kepulauan Easter di sebelah timur.
- [a] Berdasarkan kenyataan di atas, siapakah yang disebut sebagai bangsa Austronesia dan di manakah tempat tinggal mereka. Huraikan dua teori yang berkaitan dengan asal usul bangsa Austronesia. [17 markah]
- [b] Terangkan perkaitan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa dalam rumpun Austronesia. [8 markah]
5. Kaedah leksikostatistik dan glotokronologi telah digunakan untuk melihat hubungan kekerabatan antara bahasa-bahasa atau dialek-dialek. Morris Swadesh (1956) telah memberi sumbangan beliau dalam kajian leksikostatistik iaitu senarai kosa kata. Senarai ini diberi nama senarai kosa kata Morris Swadesh.
- [a] Apakah yang dimaksudkan dengan senarai kosa kata Morris Swadesh? [4 markah]

[b] Apakah kriteria yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan senarai akhir kosa kata Morris Swadesh dalam bahasa Melayu?

[6 markah]

[c] Sebutkan metodologi atau langkah-langkah untuk menjalankan kajian kuantitatif membandingkan bahasa Melayu dengan kosa kata bahasa Iban.

[15 markah]

6. Sila teliti jadual di bawah.

Bahasa/No.	1	2	3	4	5	6	7
Melayu	esa	dua	tiga	umpat	lima	unam	tujuh
Jawa	siji	loro	tulu	papat	limo	nunum	pitu
Tagalog	isa	dalawa	Tatlo	apat	lima	anim	pito
Sunda	hiji	dua	tilu	opat	lima	gunup	tuju
Malagasi	lsi	ru	telu	efatri	limi	enina	fitu

(Sumber: Gorys Keraf 1984. **Linguistik Bandingan Historis**. ms: 119.)

Jadual di atas mengandungi lima bahasa Austronesia. Dengan berpandukan kaedah kualitatif bandingkan bahasa-bahasa di atas dari segi:

[a] bentuk dan bunyi. [15 markah]

[b] buatlah pengelompokan bahasa [10 markah]